



قجابه ستيأوسها كراجان نكري كلنتن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Tel. : 609-7481957  
Fax : 609-7443164  
609-7436000  
E-mail : bhgkew@kelantan.gov.my  
TSUK (Pengurusan) : 609-7485566  
KPSU : 609-7484367

40

Ruj.Kami : SUK.D.200(09)338/5 JLD.3/(32)

Tarikh : 24 Rejab 1434H

Bersamaan 4 Jun 2013

Ke Majlis,

Semua Ketua Agensi Negeri  
Semua Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Ketua Agensi Badan Berkanun Negeri

Dato'/Tuan

**PELAKSANAAN KEPADA 'SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN  
NEGERI BILANGAN 17 TAHUN 2012' -JAWATANKUASA AUDIT  
DALAM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan surat pekeling berkenaan telah dikeluarkan dan diedarkan kepada pihak Dato'/Tuan pada 31.12.2012. Antara keperluan kepada pelaksanaan surat pekeling tersebut ialah penubuhan Jawatankuasa Audit Dalam diperingkat jabatan (agensi), pemantauan terhadap pengurusan kewangan jabatan (agensi) dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit di peringkat jabatan (agensi) yang membincangkan mengenai laporan pemantauan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh pihak jabatan (agensi). Mesyuarat ini perlu dijalankan dengan kekerapan setiap dua bulan sekali.

3. Kekerapan Mesyuarat J/K Audit Dalam di peringkat jabatan (agensi) ini perlu dimasukkan sebagai aktiviti utama dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) jabatan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Mengenai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) jabatan (agensi) yang diadakan setiap tiga bulan sekali. Contoh adalah seperti Lampiran A. Pelaksanaan kepada surat pekeling berkenaan adalah seperti carta aliran Lampiran B berkembar.

2/-


4. Oleh yang demikian sukacita pihak Dato'/tuan dapat mengambil tindakan sewajarnya dengan mengadakan Mesyuarat J/K Audit Dalam Jabatan (agensi) yang diadakan pada bulan Ogos 2013 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Mengenai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) jabatan (agensi) pada bulan September 2013.

5. Di atas perhatian Dato'/Tuan dalam perkara ini didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**~ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT~**  
**~ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN~**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

s.k . :- YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Korporat)